

**Usah Politikkan Lagi Isu Sekolah Agama Rakyat - Mohd Puad  
Bernama  
17 Oktober, 2012**

KUANTAN, 17 Okt (Bernama) -- Parti pembangkang diminta tidak lagi mempolitikkan isu sekolah agama rakyat (SAR) kerana kerajaan pimpinan Barisan Nasional, sejak sekian lama sentiasa memberi bantuan kepada sekolah berkenaan, kata Timbalan Menteri Pelajaran Dr Mohd Puad Zarkashi.

Beliau berkata gesaan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini supaya parti pembangkang turut sama dengan BN bagi membantu pendaftaran dan penukaran status SAR kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), perlu dilihat sebagai sesuatu yang positif dalam usaha memartabatkan pendidikan negara.

"Kerajaan tidak pernah mempolitikkan isu pendidikan, apa yang dilakukan adalah semata-mata untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dalam membangunkan negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru 2012, dekat Gambang, di sini.

Beliau berkata tindak tanduk parti pembangkang yang sentiasa mendakwa kerajaan meminggirkan SAR adalah tidak benar sama sekali.

"Dari dulu sehingga kini kerajaan tidak mempolitikan soal pendidikan negara termasuk tidak merancang menghentikan sekolah-sekolah vernakular itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702664>